PEKELILING

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

BILANGAN 6 TAHUN 2026

DASAR LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN (PERKHIDMATAN E-HAILING)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai "**LPKP Sarawak**") berkenaan penetapan dasar Lesen Perniagaan Pengantaraan (Perkhidmatan E-Hailing) di Sarawak.

2. TAKRIFAN

2.1. "Kenderaan *e-hailing*" ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya empat (4) orang dan tidak lebih daripada sebelas (11) orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi tambang perseorangan atau tambang berasingan bagi setiap satunya, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan tambang bagi perjalanan itu dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan.

2.2. "Lesen perniagaan pengantaraan" ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA Akta 334.

2.3. "Perniagaan pengantara" ertinya perniagaan yang memudahkan perkiraan, penempahan atau transaksi kenderaan *e-hailing* sama ada untuk apa-apa balasan berharga atau nilaian wang atau selainnya.

2.4. Kenderaan *e-hailing* hendaklah menjadi suatu kenderaan perkhidmatan awam dan tertakluk kepada suatu lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA Akta 334.

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN

3.1. Menjalankan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di seluruh Sarawak. Walau bagaimanapun, kawasan operasi bagi penggunaan lesen kelas Teksi adalah tertakluk kepada Pekeliling LPKP Sarawak Bilangan 4 Tahun 2026.

3.2. Menggunakan kaedah penempahan kenderaan menggunakan aplikasi mudah alih. Aplikasi ini akan memadankan penumpang dengan kenderaan *e-hailing* yang berhampiran dan melibatkan bayaran tambang.

3.3. Kenderaan *e-hailing* hendaklah memberikan perkhidmatan mengikut tempahan yang diterima dan tiada unsur tawar-menawar selepas berjaya mendapatkan tempahan.

3.4. Melibatkan dua (2) jenis operasi kenderaan iaitu:-

3.4.1. Kenderaan Persendirian

(a) Beroperasi melalui aplikasi *e-hailing* sahaja; dan

(b) Tidak mengambil penumpang melalui tahanan tepi jalan *(street hailing).*

3.4.2. Teksi

Dibenarkan beroperasi melalui tahanan tepi jalan *(street hailing)* dan aplikasi *e-hailing.*

4. DASAR PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN PENGANTARA (LPP)

4.1. Pengeluaran LPP adalah secara terbuka.

4.2. Dikeluarkan kepada Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad yang berdaftar di Malaysia.

4.3. Mempunyai modal berbayar tidak kurang dari RM100,000.00 bagi syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% pegangan ekuitinya dimiliki oleh warganegara Malaysia, manakala bagi syarikat yang mempunyai kurang 51% pegangan ekuiti warganegara Malaysia, modal berbayar minimum yang diperlukan adalah sebanyak RM300,000.00.

4.4. Pengecualian modal berbayar diberikan kepada pemegang LPP yang telah diluluskan sebelum tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

4.5. Mempunyai sekurang-kurangnya seorang pemegang ekuiti berstatus warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia.

4.6. Permohonan baharu LPP adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun, manakala permohonan untuk memperbaharui LPP boleh diberikan bagi tempoh maksimum dua (2) tahun.

4.7. Pemohon wajib membuat pembentangan aplikasi e-hailing yang akan digunakan kepada pihak Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan.

4.8. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu kenderaan mempunyai Lesen Vokasional (PSV) yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.

4.9. Pemegang LPP hendaklah memastikan kenderaan yang digunakan mempunyai Permit Kenderaan e-hailing yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.

4.10. Pemegang LPP hendaklah memastikan kenderaan yang didaftarkan mempunyai Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa.

4.11. Pemegang LPP hendaklah memastikan kenderaan yang didaftarkan mempamerkan Perakuan Pemeriksaan daripada Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) yang masih berkuat kuasa bagi kenderaan yang berusia tiga (3) tahun dan ke atas.

4.12. Pemegang LPP hendaklah mengemukakan data, dokumen dan rekod kepada LPKP Sarawak apabila dikehendaki atau diarahkan berbuat demikian oleh LPKP Sarawak.

4.13. Pemegang LPP hendaklah bertanggungjawab memastikan pemandu menjaga tingkah laku atau perbuatan semasa beroperasi.

4.14. Pemegang LPP hendaklah memastikan kenderaan yang dilesenkan tidak digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

4.15. Pemegang LPP hendaklah memastikan tiada kenderaan bermotor, haiwan, barangan terlarang atau membahayakan keselamatan pemandu dan penumpang dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan.

4.16. Pemegang LPP hendaklah memastikan apa-apa tanda badan yang disyaratkan pada kenderaan jelas kelihatan setiap masa.

4.17. Pemegang LPP hendaklah memastikan setiap kenderaan sentiasa bersih (dalaman dan luaran) dan mempunyai persekitaran yang selesa kepada penumpang.

4.18. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu tidak mengambil dan menurunkan penumpang di kawasan-kawasan membahayakan penumpang dan pengguna jalan yang lain atau di tempat-tempat yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang sedang berkuat kuasa atau di tempat-tempat yang tidak diluluskan oleh Lembaga LPKP Sarawak.

4.19. Pemegang LPP hendaklah memastikan semua fungsi aplikasi berfungsi dengan baik sepertimana spesifikasi yang diluluskan oleh LPKP Sarawak sepanjang tempoh sah laku LPP.

4.20. Sekiranya dikehendaki untuk mengemukakan maklum balas berkaitan aduan, Pemegang LPP hendaklah memberi maklum balas tersebut kepada LPKP Sarawak dalam tempoh 15 hari dari tarikh aduan diterima.

4.21. Pemegang LPP hendaklah memastikan akaun pemandu hanya diaktifkan dalam tempoh sah laku Lesen Vokasional atau dalam tempoh sah laku Permit Kenderaan e-hailing, yang mana terdahulu.

4.22. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu yang telah memperolehi Permit Kenderaan ehailing membuat pengisytiharan kenderaan e-hailing kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum dibenarkan beroperasi.

4.23. Pemegang LPP hendaklah sentiasa membuat pemantauan terhadap operasi perkhidmatan yang disediakan.

4.24. Pemegang LPP hendaklah memastikan maklumat kenderaan yang didaftarkan adalah sepertimana kenderaan sebenar yang beroperasi dan tidak terlibat dengan pertukaran nombor kenderaan.

4.25. Pemegang LPP hendaklah memastikan maklumat pendaftaran, pembaharuan dan pembatalan Permit Kenderaan e-hailing dikemukakan kepada LPKP Sarawak dalam tempoh tujuh (7) hari selepas permohonan dibuat oleh pemandu.

4.26. Pemegang LPP hendaklah membuat pemakluman dalam tempoh 24 jam kepada pemandu selepas kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau pembatalan Permit Kenderaan e-hailing oleh LPKP Sarawak.

4.27. Pemegang LPP hendaklah mewujudkan dan melaksanakan Kod Tatakelakuan dan Garis Panduan Rungutan Pemandu *(Driver's Grievance Guidelines)* semasa mengendalikan pemandu.

4.28. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu menandatangani terma dan syarat termasuk matrik kesalahan bagi penggantungan dan pembatalan akaun pemandu.

4.29. Pemegang LPP hendaklah memastikan sistem agihan tempahan yang ditetapkan adalah adil dan saksama kepada semua pemandu.

4.30. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu memberikan perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah ditetapkan dengan kenderaan yang sama.

4.31. Pemegang LPP hendaklah menyediakan saluran informasi kepada pemandu bagi sebarang bentuk promosi yang melibatkan kadar tambang mahupun kadar komisen bagi setiap perjalanan yang dibuat oleh pemandu. Pemakluman kepada pemandu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum program promosi bermula.

4.32. Pemegang LPP hendaklah memastikan pemandu mempunyai peranti yang berfungsi sepenuhnya pada setiap perjalanan, seperti telefon pintar dengan bateri yang mencukupi untuk setiap perjalanan.

4.33. Pemegang LPP dilarang meletakkan apa-apa syarat yang tidak munasabah atau bertentangan dengan matlamat ekonomi gig kepada pemandu.

4.34. Pemegang LPP tidak boleh memberhentikan perkhidmatan semasa tempoh Lesen Perniagaan Pengantaraan berkuat kuasa, tanpa kebenaran bertulis daripada Lembaga LPKP Sarawak. Permohonan bagi penamatan perkhidmatan hendaklah dibuat 90 hari sebelum tarikh penamatan perkhidmatan.

5. APLIKASI TEMPAHAN

Spesifikasi minima aplikasi tempahan adalah seperti berikut:

5.1. Mempunyai fungsi sistem pendaftaran pemandu dan penumpang;

5.2. Mempunyai fungsi untuk pemandu dan penumpang memberikan kebenaran menggunakan data peribadi bagi tujuan pendaftaran;

5.3. Mempunyai fungsi untuk membuat tempahan bagi pihak lain;

5.4. Mempunyai fungsi untuk mengenalpasti lokasi semasa penumpang melalui kemudahan *Global Positioning System* (GPS);

5.5. Mempunyai fungsi bagi ruang yang boleh diisi bagi lokasi perjalanan bermula dan lokasi perjalanan tamat;

5.6. Mempunyai fungsi untuk memaklumkan anggaran kadar tambang kepada penumpang sebelum tempahan dibuat;

5.7. Mempunyai fungsi untuk memaklumkan bilangan penumpang dan/atau anggaran kapasiti bagasi yang sesuai sebelum menempah perjalanan kepada penumpang;

5.8. Mempunyai fungsi untuk menunjukkan variasi kenderaan kepada penumpang;

5.9. Mempunyai fungsi untuk menunjukkan masa yang diperlukan oleh pemandu untuk sampai ke lokasi penumpang;

5.10. Mempunyai fungsi untuk memaklumkan maklumat berikut kepada penumpang selepas tempahan dibuat:

(a) Nama penuh pemandu;
(b) Gambar pemandu;
(c) Nombor pendaftaran, jenis, model serta warna kenderaan;
(d) Nombor dan tempoh sah laku Permit Kenderaan e-hailing;
(e) fungsi untuk memaparkan dokumen atau gambar Permit Kenderaan ehailing
(f) Penarafan tahap perkhidmatan pemandu yang terkini;
(g) Laluan peta masa nyata (*real time* GPS) yang menunjukkan pergerakan kereta pemandu menuju ke Lokasi penumpang dan laluan sepanjang perjalanan ke destinasi;
(h) Status perjalanan yang menunjukkan sama ada pemandu sedang menuju ke tempat penumpang, sudah tiba, atau sedang dalam perjalanan menghantar penumpang;
(i) Fungsi untuk memberikan penarafan tahap perkhidmatan pemandu selepas perjalanan tamat;
(j) Fungsi untuk membuat aduan, maklum balas dan pertanyaan;
(k) Fungsi kecemasan yang bersambung terus kepada nombor panggilan kecemasan 999 dan memaklumkan sistem kecemasan syarikat pengantara serta nombor yang dipilih oleh penumpang (ahli keluarga);

(l) Fungsi untuk menyekat kawasan operasi melalui kemudahan *geofencing* (e.g. kawasan lapangan terbang); dan

(m) fungsi untuk menyimpan maklumat perjalanan sekurang-kurangnya selama enam puluh (60) hari pada aplikasi e-hailing pemandu dan sembilan puluh (90) hari pada aplikasi e-hailing penumpang.

5.11. Bagi fungsi pendaftaran pemandu dan penumpang seperti di para 5.1. maklumat yang perlu diisi adalah:

(a) Nama penuh;

(b) Salinan Kad Pengenalan (bagi pemandu dan penumpang warganegara Malaysia) atau;

(c) Salinan pasport (bagi penumpang yang bukan warganegara Malaysia);

(d) Alamat emel; dan

(e) Nombor telefon bimbit.

6. SYARAT KENDERAAN E-HAILING

6.1. Model Kenderaan

6.1.1. Terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi sekurang-kurangnya tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau penarafan setara yang diterima oleh LPKP Sarawak di bawah kategori:

(a) Kompak;

(b) Sedan;

(c) Kenderaan pelbagai guna (MPV);

(d) Kenderaan utiliti sukan (SUV);

(e) Pikap (*Double Cabin*); dan

(f) Jip

6.1.2. Mempunyai empat (4) roda dan lebih daripada dua (2) pintu.

6.2. Muatan Tempat Duduk

6.2.1. Bilangan muatan tempat duduk adalah berdasarkan Sijil Timbang Berat yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

6.2.2. Bilangan penumpang yang dibawa tidak boleh melebihi bilangan tempat duduk penumpang (tidak termasuk tempat duduk pemandu).

6.3. Hanya pemilik kenderaan boleh mendaftarkan kenderaan e-hailing.

6.4. Tanda pengenalan pelekat khas kenderaan e-hailing jelas kelihatan pada bahagian cermin hadapan dan cermin belakang kenderaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.

6.5. Warna Kenderaan

Kenderaan Persendirian	**Teksi**
Warna kenderaan adalah mengikut warna kenderaan sepertimana di dalam sistem JPJ: a. tidak menyerupai warna rasmi atau corak rasmi kenderaan mana-mana agensi penguatkuasaan; dan b. Tidak menyerupai mana-mana warna pengangkutan awam lain.	Warna kenderaan adalah berdasarkan dasar lesen kelas teksi yang berkuatkuasa.

6.6. Had Usia Melesenkan Kenderaan E-hailing

Kenderaan Persendirian	**Teksi**
a. CKD: tidak lebih 14 tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ. b. CBU: tidak lebih 14 tahun dari tahun dibuat oleh pengeluar kenderaan.	a. CKD: tidak lebih 10 tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ.

6.7. Had Usia Maksimum Sebagai Kenderaan E-hailing

Kenderaan Persendirian	Teksi
a. CKD: tidak lebih 15 tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ. b. CBU: tidak lebih 15 tahun dari tahun dibuat oleh pengeluar kenderaan.	a. CKD: tidak lebih 18 tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ.

CBU: Completely Built-Up CKD: Completely Knocked Down

6.8. Kenderaan e-hailing yang melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh pendaftarannya di JPJ hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PPKM setiap dua belas (12) bulan.

6.9. Tanda Badan Kenderaan e-Hailing

Kenderaan Persendirian	Teksi
a. Memaparkan pelekat tanda pengenalan kenderaan *e-hailing* yang dikeluarkan oleh JPJ.	a. Nama pemegang LPP, kawasan operasi dan bilangan penumpang pada kedua pintu hadapan kenderaan.

6.10. Insurans Kenderaan e-hailing

Syarikat e-hailing perlu memastikan kenderaan e-hailing di bawah tanggungjawab masing-masing memiliki insurans yang memberi perlindungan kepada pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga sebelum dibenarkan beroperasi.

7. PEMANDU

7.1. Syarat pemandu adalah seperti berikut:

7.1.1. Warganegara Malaysia;

7.1.2. Berumur 21 tahun dan ke atas serta tiada had umur maksimum;

7.1.3. Memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) yang masih dalam tempoh sah laku;

7.1.4. Memiliki Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) e-hailing yang masih dalam tempoh sah laku;

7.1.5. Tiada sabitan kesalahan jenayah berdaftar di bawah Akta 7 (Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969); dan

7.1.6. Tidak disenarai hitam oleh PDRM dan JPJ.

7.2. Dua (2) orang pemandu dibenarkan untuk didaftarkan di bawah satu EVP.

7.3. Panduan Pemakaian Pemandu E-Hailing Adalah seperti berikut:

Kenderaan Persendirian	**Teksi**
Pemandu *e-hailing* diwajibkan berpakaian kemas dan sopan	
1. Baju Kemeja / T-shirt berkolar Lengan panjang atau pendek **2. Seluar** Seluar panjang **3. Kasut** Bersesuaian	**1. Baju** Baju korporat syarikat mahupun kemeja berkolar berlengan panjang atau pendek **2. Seluar** Seluar panjang **3. Kasut** Kasut bertutup

8. KADAR TAMBANG

8.1 Kadar tambang yang digunakan bagi perkhidmatan e-hailing adalah seperti mana yang ditetapkan seperti berikut:

(a) Kenderaan Persendirian - Kadar tambang adalah seperti yang ditetapkan oleh *E-Hailing Operator (*EHO); dan

(b) Teksi - Dibenarkan untuk menggunakan kadar tambang yang ditetapkan oleh EHO apabila beroperasi melalui aplikasi *e-hailing.*

8.2 Pemegang LPP hendaklah memastikan anggaran jumlah tambang pada ketika tempahan dibuat dimaklumkan kepada penumpang sebelum penumpang memilih untuk mengesahkan tempahan.

8.3 Pemegang LPP hendaklah memastikan resit dihantar melalui medium elektronik sebaik sahaja perjalanan tamat dan hendaklah mempunyai maklumat seperti berikut:

(a) Nama aplikasi EHO;
(b) Nama penuh pemandu;
(c) Nombor resit;
(d) Tarikh, masa dan lokasi perjalanan bermula dan tamat;
(e) Jarak perjalanan; dan
(f) Perincian jumlah tambang (termasuk tambang surcaj dan bayaran tol).

9. KADAR KOMISEN MAKSIMA

Pemegang LPP hendaklah memastikan kadar komisen yang dikenakan kepada pemandu *e-hailing* bagi tiap-tiap perjalanan adalah seperti berikut:

9.1. Kenderaan Persendirian - tidak melebihi 20% daripada harga tambang setiap perjalanan; dan

9.2. Teksi - tidak lebih 10% daripada harga tambang setiap perjalanan.

10. PERMOHONAN BAHARU LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN (LPP)

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

10.1. Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan) (I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku;

10.2. Maklumat Korporat SSM;

10.3. Borang 9 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian);

10.4. Borang 8 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam);

10.5. Perakuan Pemerbadanan Sendirian Akta Syarikat 2016;

10.6. Syarikat mestilah mengemukakan bukti kemampuan (Penyata Kewangan/ Lain-lain Kemudahan Kewangan) atas nama syarikat untuk tiga bulan terakhir; dan

10.7. Bebas saman Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

10.8. Pemohon wajib membuat pembentangan aplikasi e-hailing yang akan digunakan kepada pihak Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan.

11. PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN (LPP)

11.1. Permohonan memperbaharui LPP dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku LPP. Pemegang LPP dibenar untuk mengemukakan permohonan memperbaharui seawal 1 tahun sebelum atau selewat-lewatnya 6 bulan daripada tarikh akhir tempoh sah laku LPP.

11.2. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

(a) Lesen Perdagangan- Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7- Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku masih sah; dan

(b) Maklumat Korporat SSM yang terkini.

12. PENGELUARAN PERMIT KENDERAAN E-HAILING (EVP)

12.1. Dikeluarkan kepada pemegang LPP selepas pendaftaran kenderaan e-hailing diluluskan.

12.2. Dikeluarkan kepada pemandu e-hailing yang memiliki syarat-syarat/ kriteria yang telah dinyatakan di perkara 7.1.

13. KADAR PROSES BAYARAN PERMOHONAN LPP DAN EVP

13.1. Kadar bayaran bagi permohonan LPP dan EVP adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Bayaran (Fi)	RM	Kaedah Bayaran
1.	Pemprosesan	10	Dikenakan mengikut bilangan permit kenderaan yang diluluskan
2.	Permit Kenderaan e-hailing (EVP)	50	
3.	Caj Tahunan	50	Dikenakan secara tahunan mengikut bilangan permit kenderaan diluluskan
4.	Pengeluaran Lesen Perniagaan Pengantaran (LPP)	50	Dikenakan sekali apabila permohonan diluluskan

Nota:

Perniagaan Pengantaraan yang menjalankan perkhidmatan *e-hailing* menggunakan teksi, kad pemandu tidak akan dikenakan bayaran.

14. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari 16 November 2026.

15. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang LPP bagi perkhidmatan e-Hailing yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(CORNELIA WONG CHUI)
Setiausaha
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tarikh:

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia, Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak
Pengurus Wilayah, PUSPAKOM Sarawak dan Sabah